

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 07 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapat perancangan untuk menyalurkan peruntukan khas kepada Anggota Dewan Rakyat menjalankan kajian polisi dan dasar kerana tanggungjawab dan mereka ini adalah membuat dasar dan polisi.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, tiada perancangan untuk menyalurkan peruntukan kepada Ahli Dewan Rakyat bagi menjalankan kajian polisi dan dasar. Hal yang demikian adalah kerana setiap Kementerian telah mempunyai cawangan/bahagian dasar di setiap negeri yang mana bertanggungjawab bagi merangka dan melaksanakan dasar dan polisi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.